

hanya untuk ber`ibadah di Baitillah. Engkau tidak bermaksud membunuh sesiapa pun dan tidak juga bermaksud memerangi sesiapa pun. Maka teruskanlah (niat asalmu itu). Sesiapa yang menghalangi kita dari Baitillah, kita akan memeranginya.” Mendengar pandangan Abu Bakar itu, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Bergeraklah kamu dengan nama Allah.”⁶⁹²

٤١٧٦- حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ أَخْبَرَنَا يَغْفُوبُ حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي شَهَابٍ عَنْ عَمِّهِ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الرُّثَيْبِ أَنَّهُ سَمِعَ مَرْوَانَ بْنَ الْحَكَمِ وَالْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ يُخْبِرَانِ خَبْرًا مِنْ خَبَرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عُمْرَةِ الْحَدِيثِيَّةِ فَكَانَ فِيمَا أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ عَنْهُمَا أَنَّهُ لَمَّا كَاتَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُهَيْلَ بْنَ عَمْرِو بْنِ هَارِثٍ عَلَى قَضِيَّةِ الْمُدَّةِ وَكَانَ فِيمَا اشْتَرَطَ سُهَيْلُ بْنُ عَمْرِو بْنِ هَارِثٍ أَنَّهُ قَالَ لَا يَأْتِيكَ مِنَّا أَحَدٌ وَإِنْ كَانَ عَلَى دِينِكَ إِلَّا رَدَدْتَهُ إِلَيْنَا وَخَلَّيْتَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُ وَأَبَى سُهَيْلٌ أَنْ يُقَاضِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا عَلَى ذَلِكَ فَكَرِهَ الْمُؤْمِنُونَ ذَلِكَ وَامْتَعَضُوا فَتَكَلَّمُوا فِيهِ فَلَمَّا أَبَى سُهَيْلٌ أَنْ يُقَاضِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا عَلَى ذَلِكَ كَاتَبَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَدَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا جَنْدَلٍ بْنُ سُهَيْلٍ يُؤْمِنُ إِلَى أَبِيهِ سُهَيْلِ بْنِ عَمْرِو بْنِ هَارِثٍ وَلَمْ يَأْتِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدٌ مِنَ الرِّجَالِ إِلَّا

(3) Jika perkataan عَيْنًا di dalam sabda Nabi s.a.w. itu dipakai dengan erti pengintip juga, maka satu lagi maksud boleh difahami daripadanya. Al-`Aini, al-Qasthallāni dan Maulana Ahmad `Ali Saharanfuri juga telah mengemukakan pendapat ini di dalam kitab mereka masing-masing. Maksudnya ialah jika mereka datang juga untuk berperang dengan kita, bererti Allah mensia-siakan pengintip yang kita hantarkan untuk mengintip mereka, ia tidak berguna apa-apa kepada kita. Seolah-olahnya kita tidak menghantar pun pengintip untuk mengintip mereka.

Pendapat ketiga ini tidak tepat kerana faedah menghantar pengintip seolah-olahnya untuk mengelak daripada berlaku perang semata-mata. Jika berlaku juga perang maka tidak berfaedahlah pengintip. Sedangkan pengintipan itu tetap juga berguna walaupun berlaku perang. Paling tidak ma`lumat yang disampaikan oleh pengintip boleh juga digunakan untuk mengatur strategi perang.

⁶⁹¹ Perkataan محروبين ini boleh juga diterjemahkan dengan “dalam keadaan dirampas harta bendanya dan dalam keadaan ditangkap serta dijadikan hamba abdi anak isterinya”.

⁶⁹² Rasulullah s.a.w. menerima pandangan Abu Bakar itu dan terus berangkat. Mereka kemudian disekat oleh orang-orang kafir di Hudaibiah. Setelah berlaku perjanjian damai di Hudaibiah pada tahun ke-6 itu, semua mereka pulang ke Madinah. Antara persetujuan yang dicapai dalam perjanjian itu ialah pihak berkuasa Mekah membenarkan mereka datang ke Mekah untuk mengerjakan `umrah pada tahun berikutnya. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. bersama para sahabatnya melakukan `umrah qadha' pada tahun ke-7 Hijrah.

رَدَّهُ فِي تِلْكَ الْمُدَّةِ وَإِنْ كَانَ مُسْلِمًا وَجَاءَتْ الْمُؤْمِنَاتُ مَهَاجِرَاتٍ فَكَانَتْ أَمْ كُلُّوْمِ بِنْتُ عُقْبَةَ بْنِ أَبِي مُعَيْطٍ
مِمَّنْ خَرَجَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ عَاتِقٌ فَجَاءَ أَهْلُهَا يَسْأَلُونَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ أَنْ يَرْجِعَهَا إِلَيْهِمْ حَتَّى أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْمُؤْمِنَاتِ مَا أَنْزَلَ.

4176- Ishaq (bin Rāhawaih) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ya`qub (bin Ibrahim bin Sa`ad) meriwayatkan kepada kami, katanya: Anak saudara Ibnu Syihab⁶⁹³ meriwayatkan kepadaku daripada Pak ciknya (Ibnu Syihab), katanya: `Urwah bin az-Zubair meriwayatkan kepadaku bahawa dia telah mendengar Marwān bin al-Ĥakam dan Miswar bin Makhramah, mereka berdua menceritakan salah satu peristiwa yang telah berlaku kepada Rasulullah s.a.w. semasa melaksanakan `umrah pada (tahun) Ĥudaibiah. Antara cerita yang disampaikan kepadaku oleh `Urwah yang diterimanya daripada mereka berdua ialah bila Rasulullah s.a.w. hendak menulis berhubung dengan tempoh (jangka masa) perdamaian di dalam surat perjanjian damai di Ĥudaibiah yang disaksikan oleh Suhail bin `Amar, dia tidak mahu menerima kecuali dengan syarat. Syarat yang diberikan oleh Suhail ialah: “Tidak ada seorang pun dari kami yang datang kepadamu, sekalipun dia beragama dengan agamamu, melainkan kamu hendaklah mengembalikannya kepada kami, dan kami bebas melakukan apa saja terhadapnya.” Suhail tetap tidak mahu menerima perjanjian itu melainkan dengan syarat tersebut. Maka orang-orang mu`min tidak suka dengan syarat yang diberikannya itu, mereka betul-betul naik marah⁶⁹⁴ dan mempertikaikannya.⁶⁹⁵ Apabila Suhail enggan juga bersetuju kecuali dengan syarat yang diajukannya itu, Rasulullah s.a.w. pun menyetujuinya lalu Baginda s.a.w. mengembalikan Abu Jandal bin Suhail pada hari itu kepada bapanya, Suhail bin `Amar. Dan tidak ada yang datang kepada Rasulullah s.a.w.

⁶⁹³ Namanya ialah Muhammad bin `Abdillah bin Muslim bin Syihab. Nama sebenar Pak ciknya (Ibnu Syihab) pula ialah Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri.

⁶⁹⁴ Perkataan اَمْعَضُوا asalnya ialah اِنْمَعْضُوا, ia jadi اَمْعَضُوا setelah diidghamkan huruf nūn ke dalam huruf mīm selepasnya. Salah satu ertinya ialah seperti yang diberikan dalam terjemahan di atas. Antara ertinya juga ialah mereka betul-betul berasa sebal (hati dengan syarat itu).

⁶⁹⁵ dengan berkata, “Subĥānallah! Bagaimana ia akan dikembalikan kepada orang-orang musyrikin sedangkan ia telah datang sebagai orang Islam?”

seorangpun dari kalangan laki-laki kecuali Baginda mengembalikannya dalam masa perjanjian itu, sekalipun dia seorang muslim. Wanita mu'minat juga datang dengan maksud berhijrah.⁶⁹⁶ Antara mereka yang berhijrah kepada Rasulullah s.a.w. ialah Ummu Kultsum binti 'Uqbah bin Abi Mu'aith,⁶⁹⁷ dia masih seorang

⁶⁹⁶ Setelah selesai perjanjian di Hudaibiah, Wanita mu'minat juga datang dengan maksud berhijrah. Apabila orang-orang musyrikin menuntut agar wanita juga dikembalikan oleh Rasulullah kepada mereka, tuntutan mereka tidak diterima Baginda. Antara alasannya ialah yang tersebut dalam surat perjanjian ialah perlu mengembalikan orang lelaki sahaja, lantaran perkataan رجل dan رجال yang digunakan di dalamnya. Maka terkecualilah wanita daripada syarat itu. Sebab keduanya ialah kerana telah turun firman Allah yang memerintahkan agar wanita tidak dikembalikan kepada mereka: فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ (maka janganlah kamu kembalikan wanita-wanita itu kepada mereka). Di sini timbul satu persoalan iaitu adakah perintah Allah itu bertindak mengkhususkan atau mengecualikan kalangan wanita yang datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan tujuan berhijrah selepas perjanjian Hudaibiah itu daripada hukum umum yang terdapat di dalam surat perjanjian atau ia memansukhkannya?

Bagi Ibnu al-'Arabi dan lain-lain, ia mengkhususkannya. Bagi sesetengah 'ulama' yang lain pula perintah Allah di dalam al-Qur'an itu memansukhkan umum yang tercatat di surat perjanjian di Hudaibiah. Salah satu pendapat Imam asy-Syafi'e yang masyhur ialah al-Qur'an tidak memansukhkan as-Sunnah. Maka orang-orang yang sependapat dengan asy-Syafi'e tidak akan berkata bahawa perintah Allah di dalam al-Qur'an itu memansukhkan umum yang tercatat di dalam surat perjanjian di Hudaibiah. Sebaliknya ia mengkhususkannya. Tetapi orang-orang yang berpendapat al-Qur'an boleh memansukhkan al-Qur'an, maka lebih-lebih lagilah ia dapat memansukhkan as-Sunnah.

⁶⁹⁷ Nama sebenar Abi Mu'aith ialah Abān bin Abi 'Amar. Nama sebenar Abi 'Amar serta silsilah keturunannya pula ialah Dzakwān bin Umaiyah bin 'Abdi Syams bin 'Abdi Manāf.

Abu 'Umar (Ibnu 'Abdil Barr) berkata, "Ummu Kultsūm memeluk agama Islam di Mekah sebelum wanita-wanita lain berhijrah ke Madinah (selepas perjanjian damai di Hudaibiah). Hijrahnya berlaku pada tahun ke tujuh setelah berlangsungnya perjanjian damai di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang kafir Quraisy Mekah.

Abu 'Umar berkata lagi, "Mereka mengatakan, Ummu Kultsūm berjalan kaki dari Mekah ke Madinah. Setelah sampai di Madinah, dia dikahwini Zaid bin Hārithah. Setelah Zaid terbunuh (syahid) dalam peperangan Mu'tah (pada tahun ke-8 Hijrah), dia dikahwini az-Zubair bin al-'Awwām. Dengan az-Zubair dia memperolehi seorang anak perempuan yang diberi nama Zainab. Kemudian dia diceraikan oleh az-Zubair. Setelah itu Ummu Kultsūm berkahwin pula dengan 'Abdur Rahman bin 'Auf. Perkongsian hidupnya dengan 'Abdur Rahman bin 'Auf melahirkan dua orang anak lelaki, Ibrahim dan Hūmaid. Setelah 'Abdur Rahman bin 'Auf meninggal, dia dikahwini pula oleh 'Amar bin al-'Aash. Hanya selama sebulan sahaja dia bersama 'Amar. Selepas itu dia